

## Novel Remaja *Jibam*: Kajian Fenomena Sosial

NIK RAFIDAH NIK MUHAMAD AFFENDI

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

rafidah@fbmk.upm.edu.my

**Abstrak** Novel *Jibam* karya Ujang berjaya menarik perhatian golongan remaja walaupun bukan diterbitkan oleh institusi terkenal. Kajian ini bertujuan untuk meneliti fenomena sosial yang terkandung dalam novel tersebut sehingga berjaya menarik perhatian golongan remaja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa novel tersebut memaparkan peristiwa yang berkaitan dengan persekitaran mereka. Dalam hal ini, aspek kemanusiaan, kekeluargaan, dan sosioekonomi yang berlaku dalam masyarakat dibicarakan oleh pengarang dengan jelas. Pengkaji melihat fenomena tersebut berdasarkan daripada perspektif psikologi. Hal ini demikian kerana manusia sentiasa berada dalam keadaan berperang dalam dirinya, gelisah, keluh-kesah dan sebagainya. Kekuatan pengarang terserlah dalam penerokaan kemanusiaan terhadap golongan tersebut kerana kebolehannya mengupas nilai-nilai kemanusiaan dan kepentingan-kepentingan survival sehingga tercipta watak-watak dalam karya yang melambangkan konflik dalam kehidupan.

**Kata kunci:** sastera, novel, remaja, fenomena sosial, psikologi

*Abstract* Novel *Jibam* by Ujang has attracted teenagers although it was not published by a well-known publisher. This study is to investigate the social phenomena in the novel that has successfully attracted many teenagers. The finding showed that the novel had portrayed events related to readers' surrounding. In this case, humanities, families and socioeconomic aspects were discussed clearly by the author. This study, however, will focus on the psychological perspectives since human beings are constantly in conflict within their own self, such as feeling anxious, worried and so on. In this work, the author's strength reflected in the discussion on human values and the criticality of survival among teenagers eventually created several characteristics that symbolise conflict in life.

**Keywords:** literature, novel, teenager, social phenomena, psychology

## PENGENALAN

Salah satu daripada aspek yang digambarkan oleh seseorang pengarang dalam karya sama ada novel, cerpen, drama atau puisi ialah tentang fenomena sosial atau masyarakat. Begitu juga dengan novel *Jibam* karya Ujang, terbitan Creative Enterprise yang buat pertama kali diterbitkan pada tahun 1992 dan mengandungi 186 halaman. Dalam novel ini, Ujang bertolak daripada realiti kehidupan masyarakat seperti yang diperkatakannya dalam petikan yang berikut:

*“Karya saya banyak berdasarkan kepada persekitaran. Apa sahaja yang mengelilingi kita, itulah sumber inspirasi saya.”*

*(Utusan Malaysia, 2 Jun 1997)*

Melalui novel ini, Ujang berjaya melukiskan pertentangan sikap dan nilai watak-wataknya seperti kehidupan kanak-kanak, orang dewasa, mahasiswa dan juga golongan peniaga. Novel tersebut berjaya menarik perhatian golongan awal remaja. Berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan terhadap responden remaja yang dipilih secara rawak, rata-rata mengatakan novel tersebut berjaya menarik perhatian mereka kerana menyentuh persoalan berhubung dengan persekitaran mereka secara realistik.

Berdasarkan kajian, tidak banyak pengkritik yang memperkatakan tentang novel *Jibam*, kecuali sebuah tulisan yang dilakukan oleh Mohd. Kasim Ismail di dalam Monograf *Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu* (1999:99–106) yang menyentuh secara analisis dan kritis tentang novel *Jibam*. Mohd. Kasim Ismail menganggap *Jibam* sebagai sebuah novel yang berjaya dari segi teknik persembahannya (1999:105). Hal ini dapat dilihat daripada sudut kreativiti, iaitu pengarang berjaya mengaitkan fenomena kehidupan manusia yang berkait dan berpusat kepada kanak-kanak cacat dengan kehidupan kanak-kanak lain dan dengan orang dewasa. Jelas novel *Jibam* bukan cerita kanak-kanak tetapi cerita yang berkait dengan kehidupan yang menyentuh manusia kecil, besar, tua dan muda, Melayu dan bukan Melayu, intelek dan bukan intelek, baik dan jahat. Semuanya diadun dalam keupayaan kreatif yang menghasilkan pelbagai kesan dan nilai yang sesuai sebagai bahan bacaan remaja.

Novel *Jibam* bukan diterbitkan oleh institusi terkenal seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, namun berjaya menarik perhatian ramai pembaca remaja dan dewasa. Hal ini menarik perhatian pengkaji untuk meneliti fenomena sosial dalam novel tersebut. Secara umumnya, kajian fenomena sosial membawa maksud sesuatu kenyataan atau kejadian yang dapat diperhatikan dalam sesebuah masyarakat. Perihal masyarakat tersebut dapat dilihat dalam pelbagai aspek seperti berkaitan dengan kemanusiaan, kekeluargaan, masyarakat, sosioekonomi dan sebagainya. Dalam hal ini, Mohd. Makhzan Musa (1997:31) berpendapat sosial dilihat sebagai proses membuat penilaian terhadap tingkahlaku manusia. Pelbagai pandangan perlakuan manusia yang kemudian dikategorikan dalam satu bentuk tanggapan. Tanggapan ini akan membentuk gambaran atau idea tentang individu lain yang boleh digunakan sebagai panduan dalam interaksi sosial. Fenomena sosial merujuk kepada suatu kejadian atau peristiwa yang mempunyai perkaitan dengan masyarakat sama ada daripada aspek sosiobudaya, sosiopolitik mahupun sosioekonominya. Sehubungan dengan itu, Umar Junus (1986:80) berpendapat hubungan karya dengan khalayak merupakan fenomena sosial dan proses penghasilan karya juga lahir daripada senario sosial dalam masyarakatnya. Bagaimanapun, dalam kajian ini, analisis hanya difokuskan kepada tiga aspek, iaitu sosioekonomi masyarakat, kekeluargaan, dan kemanusiaan.

### PSIKOLOGI SASTERA

Ketiga-tiga aspek tersebut dapat dilihat daripada aspek psikologi. Istilah “psikologi kesusasteraan” pada umumnya membawa maksud ilmu sastera yang mendekati psikologi. Lantaran itu, psikologi sastera berfokus kepada aspek-aspek kejiwaan dalam karya. Bidang psikologi cuba memahami jiwa dan tingkah laku manusia daripada beberapa perspektif yang berbeza. Antaranya, untuk memahami keadaan “dalaman” watak. Dalam hal ini, Sigmund Freud dianggap sebagai pencetus psikologi sastera. Pada umumnya, terdapat tiga unsur psikologi Sigmund Freud, iaitu *id*, *ego* dan *super-ego* dalam diri manusia. Manusia sentiasa berada dalam keadaan berperang dalam diri, gelisah, keluh-kesah, suka, duka dan sebagainya. Konsep *id* menurut Freud ialah nafsu dalaman manusia yang amat mementingkan keseronokan sementara *ego* dianggap jaringan yang mengawal kehendak *id* mengikut norma masyarakat. Manakala *super-ego* sebagai petunjuk ke arah perkara positif. Unsur-unsur tersebut dapat dilihat menerusi watak-watak

dalam kajian. Selain itu, pengkaji menyentuh juga Teori Kekecewaan-Keagresifan. Teori ini mengikut Mahmood Nazar Mohamed (2001:336) adalah satu tindak balas semulajadi terhadap kekecewaan yang dialami oleh manusia. Kekecewaan berlaku apabila sesuatu motif yang amat diingini oleh seseorang itu tidak dapat dicapai kerana pergerakan ke arah motif tersebut dihalang atau terhenti. Ekoran itu akan menyebabkan meningkatnya dorongan agresif.

Pada masa yang sama, pengkaji cuba memahami jiwa dan tingkah laku watak menerusi keadaan “luaran” pula. Teori Tingkah Laku Colson A misalnya mengatakan manusia akan melakukan dua perkara dalam kehidupan. Pertama, perlakuan biasa dan kedua, perlakuan luar biasa. Perlakuan luar biasa pula dipecahkan kepada dua, iaitu perlakuan betul dan tidak betul (Mat Saat Baki, 1993:356). Bermakna, perlakuan luar biasa manusia kadangkala betul dan ada kalanya salah. Kejayaan seseorang kanak-kanak mengubati penyakit misalnya, adalah satu perlakuan luar biasa tetapi itulah realitinya. Manakala dalam peristiwa lain pula, dapat dilihat kegagalan manusia mengawal perasaan lantas membunuh anak, kawan atau sesiapa sahaja. Hal ini adalah satu perlakuan luar biasa dan jelas salah.

## ANALISIS PERBINCANGAN

*Jibam* memaparkan nasib masyarakat pinggiran yang hidup 20 batu jauh dari bandar. Kekuatan pengarang terserlah dalam penerokaan kemanusiaan terhadap golongan tersebut kerana kebolehannya mengupas nilai-nilai kemanusiaan dan kegentingan-kegentingan survival sehingga tercipta watak-watak dalam karya yang melambangkan konflik dalam kehidupan. Hal ini sejajar dengan pandangan Arenawati (1988:69) yang mengajak pembaca memahami inti sari serangkap bidalan Arab yang bermaksud “Alam dan waktu ialah induk yang sentiasa hamil sarat, setiap saat melahirkan jutaan jenis peristiwa.”

Berdasarkan kenyataan tersebut, maka bertambah jelas kepada kita bahawa pengarang mengambil model daripada dunia realiti, kemudian ditambah pula dengan imaginasi realiti lalu tercetuslah idea dalam penciptaan sesebuah novel. Kehadiran novel *Jibam* adalah kerana wujud kesedaran dalam diri pengarang untuk berkongsi pengalaman hidupnya

bersama masyarakat. Lantaran itu, dia menyuarakan “suara hatinya” untuk mendedahkan fenomena yang berlaku dalam masyarakat. Dalam sesebuah novel terdapat pelbagai fenomena sosial yang dipaparkan oleh pengarang yang menyentuh kehidupan masyarakat.

### **Kemanusiaan**

Fenomena kemanusiaan merupakan salah satu fenomena yang cuba dikemukakan oleh Ujang. Fenomena manusia wujud kerana terdapat perbezaan daripada segi pemikiran, pandangan dan sikap. Ekoran daripada pertentangan inilah yang menimbulkan kepelbagaian watak yang mewakili pelbagai tingkah laku manusia, seterusnya mewujudkan konflik dalam kehidupan manusia dan sebagaimana yang dikatakan oleh J. Duvignaud, “konflik” ini merupakan bahan kepada karya sastera (Umar Junus, 1986:68).

Dalam novel ini, pengarang berjaya menggarap fenomena manusia yang sering berlaku di sekeliling masyarakat. Hubungan persahabatan yang tidak suci merupakan satu isu yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam menggarap fenomena manusia kerana secara sedar atau tidak, hubungan yang semacam inilah yang sering menimbulkan masalah dalam kehidupan. Contohnya peristiwa Tuk Ngah Sudin yang sanggup membunuh Suman selepas beberapa jam sahaja Suman menyelamatkan nyawanya. Kedua-dua watak ini pada zahirnya menunjukkan satu perhubungan yang akrab. Mereka sentiasa bersama-sama ke hutan untuk mencari damar dan rotan. Suman yang tidak pernah mencurigai Tuk Ngah Sudin menjadi mangsa kepada kejujurannya sendiri. Oleh kerana ketiadaan ikatan yang suci menyebabkan manusia menjadi korban. Hal ini merupakan satu fenomena yang semakin menular dalam kalangan masyarakat kini. Disebabkan terlalu pentingkan diri sendiri dan mengikut emosi, manusia tewas kepada nafsu sendiri.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Freud, manusia sentiasa berada dalam keadaan berperang dengan diri sendiri. Freud percaya secara amnya individu tidak sedar tentang alasan atau sebab dalam tingkah laku mereka (Jas Laile Suzana Jaafar, 2000:20). Dalam hal ini, Tuk Ngah Sudin juga turut mengalami konflik diri. Ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

*Dia semakin gelisah. Matanya terlontar lagi pada buluh-buluh runcing di bawah gaung. Kepada Suman. Kepada gaung yang ternganga luas. Suman semakin hampir ke situ. Ada sesuatu yang boleh dilakukannya.*


*Tetapi budi Suman cuma beberapa jam tadi menyekat niatnya. Wajah Jibam, Kadir, Fakir dan Piah menjelma. Tidak lama... Zamiah menyapu kesemua wajah-wajah yang memohon simpati itu. Dia merenung lagi pada Suman yang masih terbongkok-bongkok di tepi rumpun rotan. Di tepi gaung. Sudin membulatkan tekad.*

*“Untukmu Miah.”*

*Dia meluru, menolak sekuat tenaga. Suman gagal mengimbangi badan. Tubuh separuh umur itu melayang, bersama budinya pada Sudin, kasihnya pada Jibam dan seluruh baktinya pada Kampung Belulang.*

(Jibam, hlm. 33)


Tindakan Tuk Ngah Sudin sangat mengejutkan. Di sini terserlah aliran impresionisme yang diterapkan oleh pengarang yang bertujuan untuk memaparkan mood dan emosi secara spontan dan memeranjatkan. Hal ini berlaku kerana *id* yang menguasai diri Tuk Ngah Sudin begitu kuat dan *ego* tidak dapat mengawal kehadiran *id* tersebut, lantas watak bertindak di luar batas kemanusiaan. Perbuatan Tuk Ngah Sudin ternyata tidak betul. Rajah 1 akan menerangkan dengan lebih jelas lagi:



**Rajah 1:** Pola Tingkah Laku Colson A (1971)

Sumber: Mat Saat Baki, 1993:356

Tuk Ngah Sudin boleh dikategorikan dalam B yang melakukan tingkah laku yang tidak betul, iaitu melakukan perbuatan yang bercanggah dengan agama dan etika bermasyarakat kerana membunuh Suman. Penyakit jiwa yang melanda Tuk Ngah Sudin dapat diperhatikan melalui Rajah 2.



**Rajah 2:** Petunjuk Tingkah Laku Abnormal

Rajah 2 menunjukkan bahawa sakit jiwa Tuk Ngah Sudin adalah disebabkan keadaan *predisposisi*, iaitu tekanan mental kerana terlalu inginkan tanah milik Suman untuk diwariskan kepada Zamiah. Sekali lagi pengarang menonjolkan realisme psikologi.

Dalam beberapa hal yang lain, dapat dirasakan salah satu faktor timbulnya pelbagai fenomena dalam masyarakat kerana tidak ada pun peranan yang dimainkan oleh golongan agama untuk memberi kesedaran kepada masyarakat. Ekoran daripada inilah timbul pelbagai fenomena manusia. Manusia bertindak dengan sewenang-wenang, seolah-olah tiada landasan yang perlu diikuti. Dari sini, wujud manusia yang pada lahiriahnya normal tetapi bertindak secara tidak normal.

Dalam satu peristiwa lain pula, Tuk Ngah Sudin dan Usin Singai yang mewakili golongan tua di Kampung Belulang tidak teragak-agak memukul Jibam yang cacat dengan sepuas hati mereka dan diiringi pula dengan sumpah seranah. Kesalahan Jibam ialah memotong tayar basikal Tuk Ngah Sudin dan mengecat basikal dan reban ayam Usin Singai dengan warna biru. Jibam sememangnya bersalah tetapi hukuman yang dijatuhkan oleh kedua-dua watak terhadap seorang insan yang cacat akal dianggap tidak

wajar. Unsur *id* dalam diri watak-watak tersebut begitu kuat sehingga *ego* tidak dapat mengawal *id* tersebut lantas kedua-dua watak gagal membuat pertimbangan yang wajar dan berkelakuan seperti binatang. Sehubungan ini, Ibn Majah ada mengatakan tingkah laku yang mengikut kehendak nafsu semata-mata adalah perbuatan binatang. Fenomena ini bukanlah sesuatu yang aneh dan ia berlaku dalam realiti hari ini.

Sebagai orang tua, Tuk Ngah Sudin dan Usin Singai sepatutnya memberi contoh yang baik kepada anak-anak Kampung Belulang tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Kelakuan mereka ini kemudian menjadi ikutan anak-anak tersebut. Penganiayaan terhadap Jibam oleh golongan kanak-kanak digambarkan oleh pengarang melalui petikan di bawah.

*“Jibam! Satu ketukan keras hinggap di kepala Jibam dan dia pantas mendongak, merenung tajam ke dalam mata seorang kanak-kanak yang sedang berdiri gagah di hadapannya sambil menyedut hingus.”*

(*Jibam*, hlm. 3)

*“Kau lidah dia sengau!”*

*“Ahu ? h...haulah luhah hia.”*

*“Kau takut ye?”*

*“Haklah...hapi...ahu hakut abah hia mahah ahu.”*

*“Pengecut!” Suli membidik bibirnya.*

*“Tuiiii!”*

*Kahak pekat dan berlendir hijau melekat tepat di perut Jibam yang tidak berbaju.*

(*Jibam*, hlm. 3)

Akhirnya, tiada penyelesaian kepada masalah tersebut. Fenomena ini akan terus melingkari masyarakat Kampung Belulang seandainya tiada usaha atau inisiatif yang diambil untuk membanteras sikap tersebut. Sikap sebegini mengakibatkan berlaku pertentangan dan konflik dalam kalangan masyarakat Kampung Belulang kerana tidak semua anggota masyarakat kampung mempunyai perwatakan yang negatif. Usup Kidung dan Kadir adalah dua contoh manusia yang mempunyai sikap dan pemikiran positif. Usup Kidung pernah menyelamatkan Jibam daripada dianiayai oleh kanak-kanak Kampung Belulang. Kadir sebagai abang Jibam pula sentiasa membela Jibam daripada dianiaya sehingga kadang-kadang membawa kepada pertengkaran. Pertentangan sikap ini mencetuskan konflik dalam kalangan mereka.



Walau bagaimanapun, kalau diperhati secara keseluruhan, ternyata masyarakat Kampung Belulang masih mengabaikan kebajikan golongan cacat atau kurang upaya. Ekoran tidak wujud semangat kerjasama, maka tidak ada usaha mereka untuk mengatasi masalah tersebut. Sekurang-kurangnya, masyarakat bersama-sama memberi perhatian agar Jibam tidak dianiaya atau diperlakukan dengan sewenang-wenang oleh golongan yang tidak berperikemanusiaan. Jika masyarakat prihatin kepada masalah ini, sudah pasti keluarga Jibam tidak berasa tertekan dan terbeban. Tambahan pula, keluarga Jibam banyak berjasa kepada masyarakat Kampung Belulang.

Sikap mementingkan diri dan tidak menghormati hak orang lain juga boleh menimbulkan kekeruhan dalam kalangan masyarakat. Tuk Ngah Sudin adalah contoh manusia yang tidak sedar diri. Setelah Suman dibunuh, keluarga Suman pula dilayan dengan buruk. Selain menganiaya Jibam, Tuk Ngah Sudin menengking isteri Suman dengan sesuka hati.

*“Suara Tuk Ngah Sudin tidak selembut seperti dia mula-mula datang dulu, sewaktu merayu meminta tapak mendirikan rumah daripada Suman, arwah suaminya.”*

(Jibam, hlm. 42)

*Walau bagaimanapun Tuk Ngah Sudin tidak akan terlepas begitu sahaja kerana Kadir anak kedua Suman cukup sedar hal ini. Akhirnya timbullah pergaduhan di antara kedua pihak ini.*

*“...engkau boleh rampas tanah bapak aku...tapi kau jangan lupa... ini waris Suman tau...darah Suman yang mengalir dalam tubuh aku ni...selagi aku hidup, selagi itu aku akan dapatkan kembali hak aku.”*

(Jibam, hlm. 43)

Hubungan antara Tuk Ngah Sudin dan anggota keluarga Suman tidak baik, kecuali Fakir. Tuk Ngah Sudin menggunakan Fakir untuk merampas semua tanah milik Suman dengan menjodohkan anaknya Zamiah dengan Fakir. Tindakan Tuk Ngah Sudin ini sungguh licik kerana rahsia Tuk Ngah Sudin membunuh Suman belum terbongkar. Walau bagaimanapun, apa yang ingin ditekankan oleh pengkaji di sini ialah sikap mementingkan diri, tidak menghormati hak orang lain, tamak haloba menyebabkan berlaku perpecahan di kalangan masyarakat dan seterusnya mencetuskan konflik dalam kalangan mereka.

Satu lagi hal yang menarik dalam membicarakan tentang fenomena sosial ialah sikap suka membuang masa dalam kalangan masyarakat kampung. Dalam novel ini, Ujang menggambarkan Kedai Kopi Pak Itam sebagai tempat penduduk Kampung Belulang berkumpul dan berbual-bual kosong sehingga timbul pergaduhan akibat daripada terlepas cakap. Kadir mengamuk dan bertumbuk dengan Usin Singai kerana menuduh ayahnya memelihara hantu. Ini dapat digambarkan oleh Ujang melalui petikan berikut:

*“Aku bukan tuduh, dari kampung lama dulu lagi orang dah tau. Semua orang cakap macam tu. Semua orang tau dia bela hantu, sebab tu anak dia cacat, dia langgar sumpah.” Usin Singai menambah tanpa menyedari Usup Kidung merenungnya dengan tajam.*

(Jibam, hlm. 82)

Perkara tersebut menunjukkan bahawa sikap suka membuang masa banyak membawa kepada keburukan. Perbuatan melepak dan membuang masa bersebang perkara yang tidak penting di kedai kopi tidak meningkatkan taraf ekonomi orang kampung. Demikianlah pengarang memaparkan fenomena sosial dalam novel tersebut.

### **Keluargaan**

*Jibam* juga tidak lepas daripada membicarakan fenomena kekeluargaan. Dalam novel ini, didapati wujud dua golongan dalam keluarga yang masing-masing mempunyai pandangan dan pemikiran yang berbeza. Perbezaan inilah yang mewujudkan konflik dalam keluarga. Fakir tidak pernah mendekati dan menyenangkan kehadiran adiknya Jibam yang terencat akal. Jibam bukan sahaja menghadapi tekanan daripada masyarakat persekitaran malah abang sendiri sering kali memberi tekanan fizikal dan emosi kepadanya. Fakir bersikap garang dan tidak bertoleransi. Telinga Jibam dipiat sekuat hati dan kepalanya disekeh dengan keras atas kesalahan meletakkan katak puru dalam kasut Fakir. Dalam hal ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa nafsu yang menguasai diri Fakir telah membuatkan akalnya tidak dapat membuat pertimbangan wajar dan menyebabkan dia bertingkah laku tidak rasional. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

*“Kaulah ni!” Telinga Jibam dipiat sekuat hati. Jibam tersengih. Dia menggosok-gosok telinga beberapa kali. Fakir tidak puas hati. Tidak setimpal dengan semangatnya yang hampir hilang akibat terkejut tadi. Kepala Jibam disekahnya keras. Berdetup bunyinya dan Jibam menyerigai menahan sakit. “Padan muka nak lagi?” Dia mengangkat tangan.*

(Jibam, hlm. 52)

Hal ini berbeza dengan Kadir. Dia lebih mengerti dan memahami Jibam. Kadir sangat membela adiknya dan dia marah apabila Jibam dizalimi oleh orang-orang yang tidak berperikemanusiaan. Kadir rela melayan kerenah Jibam dan memenuhi keinginan Jibam. Contohnya mencarikan Jibam lipas.

*“Sejak awal pagi lagi dia terpaksa menyelongkar bangsal itu. Menunaikan janjinya pada Jibam untuk mengganti lipas yang hilang dari kotaknya.”*

(Jibam, hlm. 130)

Perbezaan sikap dan pemikiran ini tentu sekali membawa kepada ketidakakraban dalam hubungan antara adik-beradik atau dengan kata lain wujud satu hubungan persaudaraan yang longgar. Hubungan antara Fakir dan Jibam ternyata tidak akrab, begitu juga antara Fakir dengan Karim kerana kedua-duanya mempunyai sikap dan pandangan yang berbeza. Hal ini terserlah apabila Kadir mempersoalkan tanah yang dirampas oleh Tuk Ngah Sudin. Fakir nampaknya tidak suka hal itu dipersoalkan kerana dia mempunyai hubungan dengan anak Tuk Ngah Sudin. Dua fahaman yang kontras ini mencetuskan pertengkaran antara mereka.

*“Kau balik-balik tanah, balik-balik tanah. Apa? Kau ingat boleh kaya raya dengan tanah seluas kangkang kera tu?” Fakir semakin naik angin dengan sikap Kadir.*

(Jibam, hlm. 126)

Sebenarnya hubungan persaudaraan yang longgar merupakan satu permasalahan dalam keluarga yang berbahaya. Situasi yang renggang memberi ruang kepada orang luar untuk campur tangan. Kesannya, berlaku

perpecahan dalam keluarga. Perkara ini dilakukan oleh Tuk Ngah Sudin terhadap keluarga Fakir. Keadaan ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

*“Sebaik sahaja Zamiah tamat pengajian di universiti, dia akan mengusulkan kepada Fakir supaya melamar Zamiah. Hanya dengan cara itu sahajalah soal tanah ini akan selesai. Fakir juga berhak ke atas tanah ayahnya dan apabila Fakir menjadi suami Zamiah... Tuk Ngah yakin seluruh tanah kepunyaan Suman akan menjadi miliknya.”*

*“Dia akan hasut Fakir ambil semua tanah itu. Dia akan pujuk Fakir usaha ladang dan kebun. Jika Fakir senang, Zamiah akan senang. Dia pun akan tumpang kemewahan anaknya Miah. Sama ada Kadir suka atau tidak bukan soal yang penting, Fakir anak sulung. Dia berkuasa penuh. Kata putus di tangannya.”*

(Jibam, hlm. 53)

Fenomena lain dalam keluarga yang melingkari masyarakat Kampung Belulang ialah sikap si anak yang tidak mempedulikan si bapa. Situasi ini dapat dilihat melalui luahan hati Tuk Ngah Sudin.

*“Gitulah, Man! Anak aku ramai...semua pangkat, beso. A.D.O itulah, inilah...tapi orang pun tak kenang aku! Maklumlah...dan berkeluarga, senang-senang pulak tu.”*

(Jibam, hlm. 18)

Di sini jelas menunjukkan tidak ada hubungan yang akrab antara Tuk Ngah Sudin dan anak-anaknya. Malah sewaktu Tuk Ngah Sudin sakit, penduduk kampung mengalami kesukaran untuk menghubungi anak-anaknya.

*“Aku rasa elok kita bagi tau anaknya yang tinggal di pekan tu”.  
Usup Kidung mencadangkan.*

*“Tak usah harap Sup. Anaknya itu Penolong Pegawai Daerah. Sibuk memanjang, menjengok bapaknya di kampung ni sekali pun tak pernah.”*

*“Habis tu, apa ikhtiar kita, takkan nak diamkan aje?”*

*“Aku dah suruhlah anak aku si Limat tu tulis surat pada Zamiah di Universiti Pertanian tu, suruh balik tengok ayahnya.”*

(Jibam, hlm. 117)

Hanya Zamiah, iaitu anak bongsu Tuk Ngah Sudin yang boleh diharap oleh ayahnya. Perkara ini menjelaskan bahawa novel *Jibam* bersifat realistik apabila membicarakan atau mengetengahkan sesuatu fenomena kehidupan manusia dan masyarakat. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Clara Reeve dalam Welles dan Warren (1988:363) yang mengatakan bahawa novel adalah suatu gambaran tentang kehidupan dan kelakuan realiti pada zaman ia ditulis.

Jika diperhatikan, Ujang dalam karyanya cuba memperlihatkan bahawa hubungan persaudaraan darah daging kadangkala lebih teruk berbanding dengan orang luar. Usup Kidung, salah seorang penduduk kampung di situ misalnya lebih bersimpati dan mengerti sikap Jibam berbanding dengan Fakir, abang kandung Jibam. Ini dapat dilihat melalui luahan hati Usup Kidung sewaktu menyelamatkan Jibam daripada dianiaya oleh Suli dan Sengau.

*“Usup Kidung merenung anak mata Jibam yang masih berkaca. Dia amat bersimpati dan mengerti. Alangkah malangnya nasib anak itu. Juga ayahnya. Kesian Suman, kesian Piah. Tapi takdir. Siapa pun harus menerimanya dengan sabar. Usup Kidung mengeluh, menarik tangan Jibam.”*

(*Jibam*, hlm. 6)

Dalam hal ini, Usup Kidung masih lagi rasional apabila berdepan dengan permasalahan semasa. Akalnya masih dapat membuat pertimbangan yang wajar dan sedar akan hakikat kehidupan. Usup Kidung sedar sebagai manusia biasa dia tidak dapat melawan takdir dan tiada siapa yang dapat ingkar akan ketentuan-Nya. Segala dugaan seharusnya dihadapi dengan tabah. Demikianlah Ujang dalam memaparkan fenomena dalam keluarga. Kalau diperhatikan dalam sebuah keluarga pun terdapat percanggahan nilai antara mereka. Percanggahan nilai inilah yang menimbulkan konflik. Walau bagaimanapun, ia merupakan lumrah yang terjadi dalam masyarakat.

### **Sosioekonomi Masyarakat**

Novel *Jibam* turut memaparkan kritikan terhadap aktiviti ekonomi dalam kalangan penduduk Kampung Belulang. Ekonomi masyarakat Melayu masih lagi dibelenggu dan dieksploitasi oleh bangsa asing. Di sini pengarang

seakan mengecam dan mengkritik dengan tajam sikap orang Cina yang diwakili Lam Shook. Walaupun Lam Shook baik dan bersopan, segala tindakannya itu digambarkan memiliki niat “udang di sebalik batu” atau “kalau tiada apa-apa masakan tempua bersarang rendah.” Walaupun Lam Shook memperlihatkan sikap suka menolong dan berbaik-baik dengan penduduk kampung, tetapi pada masa yang sama, dia berusaha untuk melakukan penjajahan cara baharu dalam bentuk perniagaan.

Keadaan ini dapat dilihat apabila Lam Shook berusaha mendapatkan tanah untuk dijadikan tapak kedai untuk memperkembangkan perniagaannya. Lam Shook menggunakan Fakir dan sanggup membayar sebanyak RM5000 kepada Fakir untuk mendapatkan tanah bagi memenuhi impiannya. Satu langkah lagi yang diambil oleh Lam Shook untuk mendapatkan tanah itu ialah menggunakan Piah. Dia menyuruh Piah memujuk anak-anaknya menjual tanah kepadanya. Dalam hal ini Lam Shook memberi sekeping wang kertas RM50 kepada Piah. Akhirnya Fakir yang pada masa itu memerlukan wang, terperangkap dengan Lam Shook. Perkara ini selari dengan falsafah *deterministik* di mana manusia dilihat sebagai mangsa kepada kuasa dan keadaan yang tidak dapat dielakkan atau dikawal.

Sumber pendapatan penduduk Kampung Belulang digambarkan sebagai bercucuk tanam, menternak haiwan dan mencari hasil hutan seperti damar dan rotan. Kegiatan pertanian masih lagi bersifat tradisional. Kehidupan rakyat ternyata susah. Jelas di sini masih terdapat segelintir rakyat di negara ini yang ketinggalan daripada arus pembangunan. Dalam hal ini, Lam Shook berperanan sebagai orang tengah dalam perniagaan. Lam Shook sering mendapatkan hasil-hasil hutan seperti damar, rotan dan sayuran daripada penduduk kampung. Sudah tentu bahan-bahan mentah dapat dijual semula dengan harga yang lebih tinggi. Bermakna, Lam Shook memonopoli sistem ekonomi di Kampung Belulang. Melalui fenomena ini pengarang memaparkan sikap segelintir masyarakat yang sanggup melakukan apa sahaja untuk kepentingan diri sendiri dan mendapat kemewahan. Pengarang seolah-olah menyindir dengan sinis terhadap golongan imigran yang hanya bekerja untuk kekayaan, kemewahan dan tidak peduli pada kejatuhan dan kemusnahan orang lain. Dalam kehidupan bermasyarakat, Lam Shook sewajarnya mempunyai tanggungjawab bersama dalam masyarakat.

Ketua Jabatan Psikiatri Pusat Pengajian Perubatan Universiti Sains Malaysia, Mohd. Razali Salleh berkata, pengeksploitasi ekonomi yang dilakukan oleh orang asing adalah kerana sikap masyarakat Melayu sendiri. Hal ini terjadi kerana terdapat segelintir masyarakat yang suka mendapat kesenangan dengan cara mudah dalam jangka masa pendek. Sikap sedemikian menyebabkan orang lain mengambil kesempatan.

Namun begitu, pengarang melalui novel *Jibam* menampakkan bibit-bibit kesedaran dan citra modenisme yang diterbitkan dalam diri Kadir. Seandainya hasrat Kadir untuk mengusahakan tanah kebun milik arwah ayahnya berjaya, sudah tentu masyarakat Kampung Belulang akan dikejutkan dengan satu era pembaharuan dari sektor ekonomi yang menguntungkan. Situasi ini akan menjadi daya penarik kepada masyarakat Kampung Belulang untuk bergiat dalam sektor perniagaan. Di sini pengarang memberi gambaran bahawa manusia mempunyai tenaga inisiatif dan cita-cita untuk menempatkan diri sendiri di suatu peringkat yang tinggi.

Keadaan ekonomi yang tidak mantap juga meninggalkan kesan dalam bidang pendidikan. Penduduk Kampung Belulang tidak berpeluang mendapat pendidikan secara formal kerana masalah pengangkutan. Jalan yang menghubungkan Kampung Belulang ke pekan masih tidak bertar. Kesukaran perhubungan menyebabkan kemudahan lain tidak dapat disediakan. Keadaan ini dapat dilihat melalui petikan yang berikut.

*“Sepatutnya Jiman sudah naik darjah dua. Tetapi sekolah yang letaknya hampir 20 batu di pekan terlalu jauh bagi Usup. Mengayuh basikal mengharung jalan tanah merah sejauh itu amat menyeksakan.”*

*(Jibam, hlm. 58)*

Masyarakat Kampung Belulang tidak mampu untuk memiliki kenderaan bermotor. Pendapatan yang diperoleh hasil daripada menjual damar, rotan dan sayur-sayuran secara kecil-kecilan tidak mencukupi. Kemiskinan dari segi kewangan akhirnya menyebabkan mereka tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Fenomena ini akan terus membelenggu masyarakat Kampung Belulang kerana anak-anak akan membesar dan mengikut jejak langkah orang tua mereka. Gambaran ini dijelaskan oleh Ujang melalui petikan berikut:

*“...dia masih perlukan bantuan anak sulungnya itu mengisi tanah bakar ke dalam plastik untuk tapak semai anak duriannya. Jiman sudah berusia lapan tahun. Sudah boleh diharap sedikit sebanyak.”*

*“Karang tolong abah dekat kebun ye,” pujuk Usup.*

*(Jibam, hlm. 56)*

*“Sepatutnya Jiman sudah naik darjah dua. Tetapi sekolah yang letaknya hampir 20 batu di pekan terlalu jauh bagi Usup. Mengayuh basikal mengharung jalan tanah merah sejauh itu amat menyeksakan.”*

*(Jibam, hlm. 58)*

Disebabkan pengangkutan yang teruk dan tidak ada kenderaan, ramai orang kampung yang menghadapi kesulitan atau berhadapan dengan maut. Contohnya watak Sipah yang telah disengat tebuhan, tidak dapat dihantar ke hospital kerana masalah pengangkutan. Fenomena ini digambarkan oleh Ujang melalui petikan di bawah.

*“Macam mana? Bukan ada kenderaan nak keluar ke pekan tu. Klinik paling dekat pun dekat dua puluh batu dari sini.”*

*“Kau tau siapa lagi yang ada kenderaan dalam kampung ni, Ngah?”*

*“Siapa ada Sup... orang kampung ni semua pakai basikal, jangan tidak pun, lori Lam Shook ajelah tapi kena tunggu besok pagi pulak baru dia masuk meraih sayur.”*

*(Jibam, hlm. 64)*

Ujang turut memaparkan golongan yang berpendidikan seperti Awang dan Fakir. Mereka telah menerima asas pendidikan di kampung mereka yang terdahulu. Kampung tersebut telah disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas. Sungguhpun Awang berjaya menyandang jawatan sebagai Penolong Pegawai Daerah di pejabat daerah, beliau gagal berperanan membantu perkembangan masyarakat kampungnya. Malah, dia berpakat dengan ayahnya Tuk Ngah Sudin untuk merampas tanah milik Suman. Hal ini boleh dikaitkan dengan masalah kewangan yang tidak disertai dengan



pegangan agama yang kukuh menyebabkan kemiskinan budi kerana inginkan keluarga sendiri membolot kekayaan. Perkara itu menyebabkan Awang melakukan penyelewengan.

*“Kampung Belulang boleh diiktiraf dan penduduknya akan mendapat geran. Kemudian bantuan kerajaan akan disalurkan untuk kemudahan semua, ayah juga akan menerima hak milik tanah yang ayah duduki sekarang.”*

(Jibam, hlm. 38)


Salah laku Awang ini sebenarnya dipengaruhi oleh pengalaman hidup dan juga pendidikan yang diterimanya. Perkara ini menunjukkan Awang berkecenderungan melakukan perbuatan negatif. Menurut Hamka (1995:311), mengumpul harta bukanlah sesuatu yang salah dan tercela, yang salah dalam mendapatkan harta itu adalah apabila ia dilakukan secara tipu dan rampasan.

Permasalahan kemiskinan juga turut menyebabkan Fakir gagal berfikir dengan waras walaupun dia merupakan seorang yang berpendidikan berbanding dengan penduduk kampung yang lain. Dia sanggup menjual tanah pusaka ayahnya. Fenomena ini dapat dilihat dalam petikan di bawah.

*“...tanah di pinggir hutan macam tu bukan ada harga,” pintas Fakir:*

(Jibam, hlm. 113)

Desakan hidup dan ingin memiliki tanah sendiri menyebabkan Tuk Ngah Sudin sanggup membunuh Suman. Demikianlah Ujang memaparkan fenomena ekonomi yang memberi pelbagai kesan dalam kehidupan masyarakat. Jika dilihat daripada aspek psikologi, tingkah laku tersebut tercetus kerana rasa kecewa tidak dapat memiliki harta sendiri. Kegagalan mengawal kehendak nafsu menyebabkan lahirnya tingkah laku agresif seperti sanggup membunuh sahabat sendiri. Hal ini dapat dilihat dalam Rajah 3.



**Rajah 3:** Diubah suai dari Teori Kekecewaan-Keagresifan

Sumber: Mahmood Nazar Mahamed (2001:336)

### KESIMPULAN

Novel *Jibam* karya Ujang jelas mengungkapkan realiti masyarakat dalam menyentuh pelbagai fenomena kehidupan manusia. Sebagai sebuah karya sastera remaja, pengarang berjaya mengutarakan persoalan-persoalan yang berhubung dengan persekitaran dunia remaja. Remaja perlu didedahkan dengan fenomena yang berlegar di persekitaran mereka seperti kemanusiaan, kekeluargaan, dan sosioekonomi masyarakat. Persoalan kemanusiaan berjaya diungkapkan oleh pengarang dalam novel tersebut. Setiap fenomena yang terungkap sebenarnya adalah gambaran realiti masyarakat. Perkara ini dikemukakan oleh pengarang untuk menyedarkan kelompok masyarakat. Sikap mementingkan diri sendiri, suka membuang masa, tamak haloba dan sebagainya menjadi punca kepada keruntuhan sesebuah masyarakat. Dilihat daripada aspek kekeluargaan pula, ternyata tiada ikatan yang kukuh dalam kalangan anggota keluarga menjadi penyebab kepada kehancuran. Berhubung dengan sosioekonomi masyarakat, rata-rata masyarakat masih lagi dibelenggu oleh kemiskinan. Kemiskinan harta yang tidak disertai oleh pegangan agama yang kuat merupakan salah satu faktor penyebab kepada kemiskinan budi.

### RUJUKAN

- Arenawati. Ogos 1988. Sastera sebagai jurubina hati nurani. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bersama Karyawan. "Kejayaan Tidak Melalaikan Ujang." *Utusan Malaysia*, 2 Jun 1997.
- Hamka. 1995. *Falsafah Hidup*. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.

- Jas Laile Suzana Jaafar. 2000. *Psikologi perkembangan kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Saat Baki. 1993. *Tingkah laku tak normal. Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Kasim Ismail. 1999. *Sastera kanak-kanak dan remaja: Pentafsiran dan penilaian cerpen dan novel pilihan. Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Makhzan Musa. 1997. *Psikologi sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Razali Salleh. 1999. *Temu bual, 2 Ogos*. Ketua Jabatan Psikiatri Pusat Pengajian Perubatan, Universiti Sains Malaysia, Cawangan Kelantan.
- Rene Wellek dan Austin Warren. 1988. *Teori Kesusasteraan*. (terj. Wong Seng Tong). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ujang. 1995. *Jibam*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sdn Bhd.
- Umar Junus. 1986. *Teori moden sastera dan permasalahan sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.